

FPBU unggul Mahabbah Boling Perdana

Nilai: Pasukan tahun tiga Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) membuktikan keunggulan apabila menjuarai pertandingan Mahabbah Boling Perdana (MBP) 2014 di Kompleks Sukan Airport, dekat sini baru-baru ini.

Pasukan berkenaan mengumpul 932 jatuhan pin dalam kejohanan anjuran Biro Sukan Nadi Thaqafah untuk menewaskan dua pasukan dari tahun satu FPBU yang masing-masing menghimpun 875 dan 740 jatuhan pin.

Dekan bertanding

Mohd Hanif Shafie, 22, penuntut tahun tiga FPBU menjuarai acara perseorangan dengan 281 jatuhan pin.

“Kejayaan ini sudah tentu pengalaman yang tidak dapat saya lupakan,” kata Mohd Hanif.

Pengarah Program MBP, Muhammad Mursyid Yusuff, berkata objektif utama perlawanan itu untuk mengeratkan hubungan sesama warga FPBU.

“Jumlah pasukan yang bertanding adalah dua dari tahun satu, satu pasukan dari tahun dua, dua dari tahun tiga, satu dari staf FPBU dan satu pasukan di kalangan pensyarah FPBU,” katanya.

Muhammad Mursyid berkata, pihaknya turut gembira kerana Dekan FPBU, Dr Azizi Ismail turut mengambil bahagian dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Oleh Nur Azilah Mohd Razali



Dari kiri, dekan FPBU bersama staf.